


# Menggalakkan penyertaan mahasiswa pelbagai kaum mendokong semangat muhibah UMP tubuh Sekretariat Rukun Negara



DR. DAING Nasir Ibrahim memukul gong sempena Majlis Pelancaran Sekretariat Rukun Negara UMP sambil diperhatikan Kapli Emek (dua dari kanan) dan G. Shrither di Auditorium Perpustakaan UMP Kampus Gambang, Kuantan, baru-baru ini.

Oleh SITI NORIZAT SHIKH ABDUL JALIL  
utusanpahang@utusan.com.my

**KUANTAN** 31 Ogos – Golongan muda terutama pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) perlu memainkan peranan dan bersama-sama menggalas tanggungjawab memelihara perpaduan rakyat yang berbilang kaum di negara ini.

Justeru, Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengambil pendekatan dengan menubuhkan Sekretariat Rukun Negara (SRN) bagi menyatupadukan mahasiswa pelbagai kaum di universiti itu sempena Hari Kemerdekaan Ke-53.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, penubuhan SRN itu akan menggalakkan penyertaan mahasiswa pelbagai kaum dan agama mendokong semangat muhibah serta perpaduan negara.

Menurutnya, mahasiswa perlu menghayati prinsip Rukun Negara dan nilai utama gagasan 1Malaysia supaya keamanan, keselamatan dan kemakmuran negara sentiasa terpelihara. "Jika kita semua berusaha untuk mengamal dan menghormati Rukun Negara dalam kehidupan seharian kita, maka pasti kita akan mempunyai semangat keiktiaan dan menjadikan kita sebagai rakyat Malaysia sebenar," katanya.

Beliau berucap ketika melancarkan SRN di Auditorium Perpustakaan UMP Kampus Gambang dekat sini, baru-baru ini.

Pada majlis perasmian tersebut, Daing Nasir memukul gong sebagai simbolik pelancaran SRN.

Hadir sama, Pengarah Dasar dan Perancangan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Kapli Emek; Timbalan Naib

SRN perlu dimanfaatkan dan dihayati sepenuh jiwa oleh mahasiswa universiti tersebut dengan semangat patriotik seiring gagasan 1Malaysia yang diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak

- DR. DAING NASIR IBRAHIM  
Naib Canselor UMP

Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Datuk Dr. Rosli Mohd. Yunus; Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dr. Yuserrie Zainuddin dan Pengarah SRN UMP, G. Shrither.

Daing Nasir menegaskan, SRN perlu dimanfaatkan dan dihayati sepenuh jiwa oleh mahasiswa universiti tersebut dengan semangat patriotik seiring gagasan 1Malaysia yang diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Sementara itu, pelajar Fakulti Sains Komputer dan Kejuruteraan Perisian (FSKRP), Siti Hanisah Majid, 21, berkata, penyertaannya dalam sekretariat itu akan dapat mengeratkan lagi perpaduan kaum di universiti tersebut.

Menurutnya, mahasiswa sebagai pewaris bangsa perlu berusaha mendidik generasi muda untuk menjadi rakyat yang berjiwa patriotisme.